

Saman Malu Anwar Terhadap Dr Mahathir Diteruskan?



TINGGAL KENANGAN... Anwar pernah menjadi 'orang harapan' untuk menggantikan Dr Mahathir satu ketika dahulu

Anwar Bertanding Pilihanraya 2008P

Oleh: PEMERIKHA POLITIK

MUNGKINKAH hasrat Anwar Ibrahim untuk bertanding dalam pilihanraya umum yang dijadual

diadakan pada 2008 tercapai? Tetapi itu lah cita-cita bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang dilahirkan di majlis 'An Evening with the Press' di Kuala Lumpur pada 24 Mac lalu yang dihadiri oleh 60 orang editor, wartawan dan penulis.

"Saya akan bertanding jika ada kawasan pilihan raya dan Azizah (isteri beliau) bersedia untuk memberi laluan kalau saya mahu bertanding di Permatang Pauh.

Saya rakyat Malaysia, jadi mengapa tidak boleh bertanding? Dulu, Kerajaan menggunakan mahkamah untuk menyekat saya, tetapi kini mereka tidak boleh lagi berbuat demikian", katanya.

Apapun menurutnya lagi ia bergantung kepada tarikh pilihanraya umum yang bakal diadakan. Mengikut undang-undang Anwar tidak boleh bertanding untuk sebarang jawatan politik sehingga April 2008 selepas menjalani hukuman penjara.

Anwar yang kerap kali memberi syarahan di luar negara dikatakan sering mengecam dan memburukkan para pemimpin negara yang dulu dan sekarang untuk menyakinkan pendengar dan penyokong bahawa semuanya buruk belaka di negara ini.

Ramai yang marah kepada beliau kerana perbuatan beliau itu adalah seumpama 'kacang lupukan kulit' dan juga pengkhianat kepada bangsa dan negaranya.

Keratan akhbar The Star pada 4 September 1997 bertajuk "Dr. M: Anwar is my successor" sebelum Anwar dipecat dari parti dan kerajaan. Tidak stapa mampu menyangkal pilihan Dr. Mahathir itu yang mahukan Anwar sebagai penganiti beliau. Tetapi siapa yang boleh dipersalahkan dan melakukan kesilapan?

Oleh: PENOLIS POLITIK

ERABARU telah difahamkan dari seorang warga Malaysia yang sering bertemu dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di London di mana Anwar dikatakan mempunyai sebuah rumah, bahawa Anwar memutuskan untuk meneruskan juga tindakan saman malu terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad setelah dipengaruhi dan diracuni fikirannya oleh pihak-pihak yang rapat dan sentiasa berada di keliling Anwar.

Orang-orang tertentu ini juga telah 'lari' keluar dari Malaysia kerana dikatakan kecewa setelah Anwar dipecat dari parti dan kerajaan, justeru, mereka tidak lagi mendapat tempat atau peluang perniagaan di Malaysia.

Disebabkan mereka ini kerap bertemu dan berbincang dengan Anwar maka dikatakan Anwar telah 'terma'kan' racun atau hasutan kawan-kawan yang mengipas Anwar siang dan malam untuk membalas dendam terhadap Dr. Mahathir dan dengan harapan besar Anwar akan kembali menjadi Perdana Menteri suatu harinanti.

Difahamkan juga isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah yang juga Ahli Dewan Rakyat bagi Permatang Pauh sebenarnya tidak senang dengan keputusan suaminya itu kerana khua' tir pelbagai cerita baru akan disebut dan didedahkan di Mahkamah apabila kes Anwar dan Dr. Mahathir dibicarakan.

Lagipun, Azizah difahamkan banyak terutang budi kepada Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasma kerana Azizah kerap bertemu dengan mereka di masa Anwar dalam kabinet Tun Dr. Mahathir untuk mendapatkan pandangan serta nasihat selain dari mengadu hal peribadi tentang hubungan beliau dengan Anwar yang agak kecoh pada suatu ketika.

Pendapat orang ramai

>
Datuk Seri Anwar Ibrahim disamping isteri beliau Datin Seri Dr Wan Azizah yang difahamkan tidak senang dengan keputusan suaminya meneruskan saman terhadap Tun Dr. Mahathir.

Dr M: Anwar is my successor

Kuala Lumpur, Wed Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad today named his deputy Datuk Seri Anwar Ibrahim as his successor.

"My successor is Datuk Seri Anwar, that is my elaboration!" he told reporters when asked 'who he meant

to-reporters after briefing Umno delegates at the Unno general assembly here.

* The prime minister had said in the CNN- interview that he has designated his successor when asked how long he planned to stay on as prime minister.

some banks have been probed for lending share scrip.

He said these people only have "pure ill will" towards the country and would not stop spreading other lies so that, the-shafe market will be severely affected.

Mahathir said other

who the rumour mongers were, but added that the locals are picking up the rumours very quickly and some might have even believed them.

"There has never been any truth in these rumours all this while! There are many other rumours in the

pula, mereka menggesa Anwar supaya membatalkan hasratnya menyaman Dr. Mahathir yang pernah dianggapnya sebagai 'bapa' dan pendorong. Untuk kebaikan Anwar serta keluarga beliau (ketepikan orang-orang yang menghasut kerana mereka ini sebenarnya ada agenda masing-masing), seelok-eloknya memikirkan semula.

Apa yang lebih baik lagi ialah bagi Anwar melakukan sembahyang sunat Istikharah memohon daripada penciptanya Allah s.w.t, samada keputusan beliau untuk menyaman malu ketua lamanya itu ada baiknya ataupun sebaliknya.

Sementara itu, Anwar sedang disoalsiasat oleh pihak polis di bawah Akta Hasutan ekoran dari kenyataan beliau di Pengkalan Pasir, Kelantan Disember lalu ketika berkempen menyokong parti pembangkang dalam pilihanraya kecil tersebut.

Anwar mungkin didakwa Akta Hasutan

KUALA LUMPUR; Dato' Seri Anwar Ibrahim akan menerima kunjungan anggota polis di kediamannya bagi mendapatkan keterangan di bawah Akta Hasutan berhubung kenyataan beliau semasa kempen pilihan raya kecil Pengkalan Pasir, Kelantan Disember tahun lalu.

Menurut adiknya, Rosli Ibrahim, pihaknya menjangkakan tindakan itu diambil sebagai salah satu usaha pihak desperado yang masib bimbang dengan pengaruh politik Anwar walaupun beliau menerima pelbagai sekatan dalam negara.

"Dalam kempen pilihan raya memang banyak ucapan-ucapan yang boleh dipertikaikan, orang lain mereka tak tekan, tetapi Anwar ditekan, apa motif mereka?" soalnya.

Anwar yang juga penasihat KeADILan pulang ke tanah air pada 23 Mac, dan mempunyai jadual yang amat padat. Menurut Rosli, pada 25 Mac, Anwar akan menyampaikan pidato umum di Kuang, hanya beberapa kilometer daripada Penjara Sungai Buloh, "

Katanya, pada 26 Mac, Anwar akan berlepas ke Hong Kong untuk berucap dalam satu seminar ekonomi antarabangsa di sana.

Keratan akhbar yang menyatakan "Anwar mungkin didakwa Akta Hasutan" dan kini beliau sedang disoalsiasat oleh pihak polis.

